

Terma dan Syarat untuk pengundian dalam talian ERA Digital Muzik Awards 2020 (EDMA)

1. Pendengar boleh mengambil bahagian dalam pengundian untuk ERA Digital Muzik Awards 2020 dengan melayari www.era.je.
2. Setiap pendengar boleh membuat undian untuk setiap kategori di bawah seperti:
 - ❖ Artis Norma Baharu
 - ❖ Lagu Featuring Hit
 - ❖ Influencer PKP ERA
 - ❖ Lagu Viral Onz
 - ❖ Artis Baru Baik
 - ❖ Fan Club Paling Ngam
3. Pengundian ini dibuka pada 21 Disember 2020 dan akan ditutup pada 18 Januari 2021 jam 11.59 malam. Mana-mana undi yang didaftarkan di luar masa pengundian tidak akan dikira.
4. Pengundian ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas pada 21 Disember 2020. Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Peraduan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka tidak layak untuk mengambil bahagian dalam pengundian ini.
5. Pengundian ini hanya sebahagian daripada kaedah-kaedah untuk memilih pemenang bagi anugerah di atas. Pengundian ini bukan peraduan dan tiada hadiah akan diberikan kepada pendengar yang mengambil bahagian.
6. Kelayakan mana-mana undi adalah atas budi bicara mutlak Astro Radio Sdn Bhd. Astro Radio Sdn Bhd berhak untuk membatalkan mana-mana undi atau menggantung seluruh pengundian jika ia mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa pengundian palsu telah berlaku atau jika ia berpendapat terdapat percubaan untuk memanipulasi pengundian. Astro Radio Sdn Bhd berhak untuk menggantikan kaedah pemilihan pemenang untuk anugerah di atas mengikut budi bicara mutlaknyanya.
7. Astro Radio Sdn Bhd tidak boleh menerima apa-apa tanggungjawab sekalipun untuk apa-apa kegagalan teknikal atau kerosakan atau sebarang masalah lain dengan sambungan internet atau talian atau sebaliknya yang mungkin mengakibatkan sebarang undi hilang atau tidak didaftarkan atau direkodkan dengan betul.
8. Keputusan Astro Radio Sdn Bhd atas semua perkara yang berkaitan dengan pengundian ini adalah muktamad. Sekiranya berlaku pertikaian mengenai bilangan undi, Astro Radio Sdn Bhd berhak untuk membuat penentuan muktamad.
9. Dengan mengambil bahagian dalam pengundian ini, anda bersetuju untuk Astro Radio Sdn Bhd memproses data peribadi anda mengikut Dasar Privasi dan Notis Privasi yang boleh didapati di www.era.je.
10. Astro Radio Sdn Bhd berhak meminda Terma dan Syarat ini tanpa notis terlebih dahulu. Apa-apa pemindaan akan diposkan di www.era.je dan dengan mengambil bahagian dalam pengundian ini, anda bersetuju dengan apa-apa pemindaan yang diposkan.